



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	26/2/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gajah betina mati akibat kurang nutrisi, ulser

GERIK - Seekor gajah betina yang mati di tepi Jalan Raya Timur-Barat di sini Ahad lalu berpunca daripada kekurangan nutrisi selepas bedah siasat dijalankan terhadap bangkainya kelmarin.

Pemangku Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak, Wan Shahrudin Wan Nordin berkata, gajah yang mempunyai saiz tapak kaki 35.6 sentimeter itu juga dijangkiti ulser teruk di dalam mulutnya.

"Perhilitan mendapat makluman daripada orang awam mengenai kehadiran gajah berkenaan di kawasan tersebut kira-kira pada pukul 10 pagi Ahad lalu sebelum lima anggota bergegas ke lokasi kejadian bagi mengawal lalu lintas.

"Gajah betina itu tidak bergerak dan hanya berdiri di atas jalan dari pagi sehingga malam. Anggota kemudian cuba menggerakkan mamalia itu namun ia terjatuh ke dalam longkang ketika bergerak ke belakang," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



GAJAH betina hanya berdiri dari pagi sehingga malam sebelum mamalia itu terjatuh ke dalam longkang ketika bergerak ke belakang di tepi Jalan Raya Timur-Barat, Gerik kelmarin.

Tambah Wan Shahrudin, gajah yang dianggarkan berusia 35 tahun itu mati di kawasan tersebut pada pukul 10.30 pagi kelmarin.

"Masih tedapat daun yang tidak dikunyah di dalam mulutnya akibat ulser selain lemak dalam badan juga tinggal

sedikit dan ia menggunakan lemak sedia ada untuk mendapatkan tenaga," katanya.

Keadaan itu juga mengakibatkan gajah berkenaan sangat lemah sehingga tidak mampu bergerak dan bangkainya kemudian ditanam di lokasi berhampiran.